KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera
22 November 2026

ASNB PERKASA CELIK KEWANGAN MENERUSI KEMPEN "JUH MELABUR, ANAK SARAWAK"

Memupuk budaya menabung dan amalan pelaburan secara konsisten dalam kalangan rakyat Sarawak

KUCHING, 22 November 2026 – Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini melancarkan kempen "Juh Melabur, Anak Sarawak" bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Sarawak mengambil langkah positif ke arah membina daya tahan kewangan jangka panjang melalui amalan menyimpan dan melabur.

Majlis pelancaran kempen tersebut telah disempurnakan oleh YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri, di Cawangan ASNB Kuching. Menerusi inisiatif ini, ASNB berhasrat untuk meningkatkan pengetahuan dan keyakinan rakyat Sarawak dalam membuat keputusan kewangan yang bijak, di samping menggalakkan penyertaan lebih meluas dalam pelaburan. ASNB turut mengambil bahagian dalam inisiatif Sarawakku Sayang mencerminkan komitmennya untuk mendekatkan pendidikan kewangan dan peluang pelaburan kepada komuniti di seluruh Sarawak.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNB, Fadzihan Abbas Mohamed Ramlee, berkata hubungan erat ASNB dengan rakyat Sarawak telah terjalin sejak pembukaan cawangan pertamanya di Kuching pada tahun 1981. Sepanjang lebih empat dekad, ASNB terus memperluas akses kepada peluang pelaburan dan pendidikan kewangan menerusi pelbagai inisiatif, termasuk Kelab Pelaburan Bijak (KPB), Celik MADANI dan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM). Di Sarawak, program-program ini telah dilaksanakan di 31 institusi pendidikan setakat ini, dan ASNB komited untuk terus memperluaskan jangkauannya demi memberi manfaat kepada lebih ramai pelajar, pendidik dan komuniti di seluruh negeri.

"Selama lebih empat dekad, generasi demi generasi rakyat Sarawak telah memberikan kepercayaan kepada ASNB untuk membantu mereka menabung, melabur dan merancang masa hadapan kewangan keluarga. Juh Melabur bukan "Juh Melabur" bukan sekadar slogan kempen. Ia merupakan satu jemputan kepada setiap rakyat Sarawak untuk mengambil langkah pertama ke arah jaminan kewangan yang lebih kukuh. Tanpa kitak, sik lengkap perjalanan tok."

Beliau menambah bahawa kempen ini mencerminkan komitmen ASNB untuk menggalakkan lebih ramai rakyat Sarawak mengambil langkah yang pertama, atau meneruskan langkah yang telah dimulakan, dalam membina masa hadapan kewangan yang lebih kukuh.

Kempen "Juh, Melabur Menang Mas" untuk Pelabur Sarawak

Bersempena dengan pelancaran tersebut, ASNB turut memperkenalkan kempen "Juh, Melabur Menang Mas" khusus untuk rakyat Sarawak, bagi menggalakkan penyertaan dalam pelaburan serta memberi ganjaran kepada mereka yang mengamalkan tabiat melabur secara konsisten.

Kempen yang berlangsung dari 1 November hingga 31 Januari 2027 ini menawarkan pelbagai hadiah menarik, termasuk emas 999 seberat 20 gram, motosikal Yamaha LC135 Fi, pakej percutian ke Mulu Marriott, kad hadiah IKEA serta baucar AirAsia.

Pelabur yang membuat dan mengekalkan jumlah pelaburan bersih terkumpul sebanyak RM5,000 sehingga tamat tempoh kempen akan menerima satu penyertaan automatik dalam cabutan bertuah, tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan.

Untuk maklumat lanjut mengenai kempen dan produk pelaburan ASNB, orang ramai boleh mengunjungi mana-mana enam cawangan ASNB di Sarawak atau membuat pelaburan secara dalam talian melalui portal rasmi myASNB di www.myasnb.com.my atau aplikasi mudah alih myASNB.

- Tamat -

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)
Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)
Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad